

→ ISU


SUSULAN LAMBAKAN PEMANIS ALTERNATIF STEVIA PALSU

Bahagian Keselamatan Makanan diarah siasat

EKSTRAK STEVIA

Sejenis bahan pemanis semula jadi yang diekstrak daripada **daun pokok Stevia 'rebaudiana bertonii' yang mengandungi glikosida steviol** dan diproses menjadi serbuk putih hingga kuning cerah, tidak berbau dan mempunyai rasa manis.

Ia boleh digunakan **sebagai pengganti kepada gula biasa** khususnya kepada mereka yang menghidap penyakit diabetes.



→ Pihak berkuasa boleh ambil tindakan jika produk ada elemen tiruan, pencemaran

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, mengarahkan Bahagian Keselamatan Makanan kementerian itu menjalankan siasatan berhubung laporan penjualan cecair stevia palsu di pasaran.

Beliau menjelaskan, stevia bukan ubat-ubatan dan ia boleh dijual di farmasi atau lain-lain tempat serta tidak memerlukan preskripsi doktor sebelum dijual kepada pengguna.

Bagaimanapun, katanya, mengikut Akta Makanan 1983 sekiranya ada pencemaran atau elemen ti-

ruan dan maklumat salah berkaitan apa-apa jenis makanan, Bahagian Keselamatan Makanan berhak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang terbabit mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual produk berkenaan.

"Tetapi jika (stevia) yang palsu ini, sama ada ia menggunakan bahan sintetik atau sebaliknya, perkara itu perlu disiasat dengan teliti.

Bekerjasama dengan KPDNKK

"Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) supaya siasatan dapat dijalankan dengan sempurna," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Kesihatan, di sini, semalam, yang menyaksikan 777 kakitangan menerima anugerah itu.

Dr Subramaniam berkata, stevia adalah alternatif yang digunakan sebagai pengganti gula, terutama bagi penghidap kencing manis kerana ia mempunyai kalori yang rendah.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Peraturan 118A



Keratan akhbar BH kelmarin.

Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983 menetapkan standard bagi produk ekstrak stevia.

Seksyen 13, Akta Makanan 1983 menyebut adalah suatu kesalahan bagi mana-mana pihak yang terbabit mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya bahan yang beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan.

Ia termasuk produk stevia yang mengandungi bahan kimia berbahaya dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

BH sebelum ini melaporkan ujian makmal dua universiti awam (UA) terhadap sampel 10 jenama produk stevia dalam pasaran tempatan, yang digunakan pesakit diabetes sebagai pemanis alternatif semula jadi, mendapati kandungannya adalah palsu.

Malah, kajian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati semua sampel diuji itu, mengandungi kombinasi bahan kimia berbahaya, yang boleh memudaratkan kesihatan.